

TRASH HERO

Penulis SEEMA PRABHU
Pelukis EWELINA WAJGERT



TRASH HERO

Penulis: Seema Prabhu
Pelukis: Ewelina Wajgert
Penterjemah: Tim Trash Hero Malaysia

Penerbit
Trash Hero World
Hauptstrasse 32
6034 Inwil
Switzerland
Reg No:1993507
www.trashhero.org

Trash Hero ialah tanda niaga berdaftar Trash Hero World
Hak cipta teks © Seema Prabhu 2017, 2019
Hak cipta ilustrasi © Ewelina Wajgert 2017, 2019
Hak cipta penterjemahan © Trash Hero Malaysia 2020
Hak moral penulis, pelukis dan penterjemah dihadkan.
Hak database Trash Hero World
Edisi pertama 2020

Semua hak cipta terpelihara. Tidak ada mana-mana bahagian dalam penerbitan ini boleh dikeluarkan semula atau disebarikan dalam apa-apa bentuk, atau melalui apa-apa cara, tanpa kebenaran.

Dicetak di Malaysia menggunakan 100% kertas kitar semula

Pada suatu hari yang cerah, semua penghuni Terumbu Rosy keluar berenang-renang seperti biasa. Sang Penyu merasa sangat lapar. Ia memerhati di sekelilingnya untuk mencari makanan.

Akhirnya, Sang Penyu ternampak obor-obor sedang terapung-apung melintasinya. Obor-obor itu kelihatan amat menyelerakan. "Hah, inilah yang aku tunggu-tunggu!" fikir Sang Penyu, lalu ia mengejar obor-obor itu. Namun, sebaik sahaja Sang Penyu mendekati obor-obor itu, tiba-tiba muncul suatu pancaran sinar kuning diikuti oleh pukulan ombak yang kuat!

Apabila buih-buih ombak itu hilang, obor-obor itu juga tidak lagi kelihatan. Sang Penyu merasa hairan lalu berenang ke permukaan air untuk melihat apa yang telah berlaku.







Di situlah Sang Penyu ternampak seorang budak lelaki berbaju kuning sedang memegang obor-obor itu. "Hei!" ujar Sang Penyu, "itu makanan aku!"

"Oh, tidak," kata budak itu. "Ini bukan makanan. Ini adalah beg plastik lama yang dibuang manusia. Apabila beg plastik ini terapung-apung di air, rupanya seakan obor-obor. Tetapi, apabila kamu makan, plastik ini akan meracuni kamu atau menyumbat organ-organ dalam badan kamu."

Sang Penyu keliru. Dia tidak tahu apa itu beg plastik, namun dia berasa tidak gembira mendengarnya.




"Nama saya Trash Hero," kata budak lelaki itu. "Saya menyelamatkan haiwan daripada makan benda-benda beracun yang dibuang oleh manusia."

"Mengapa kamu buang benda-benda beracun itu?", tanya Sang Penyu. "Di Terumbu Rosy, tiada apa pun yang dibuang."

"Terutamanya benda-benda yang berbahaya itu!" kata Sang Penyu lagi. "Benda-benda itu tidak patut dibuang ke dalam air."

Budak lelaki itu berasa sedih, tetapi tidak berkata apa-apa. Sebaliknya, dia memandang jauh ke kaki langit dan berkata kepada Sang Penyu, "Maaf, saya harus pergi sekarang!"


Dan dalam sekelip mata, Trash Hero bergerak menyeberangi lautan, menuju ke arah sekumpulan ikan yang hendak mengigit-gigit beberapa keping Styrofoam.

A large whale is breaching the ocean surface, creating a massive splash of white water. The whale's body is dark and sleek, contrasting with the bright blue of the water. In the lower left corner, a diver is visible, providing a sense of scale to the whale's size. The overall scene is dynamic and captures a powerful moment in nature.

Trash Hero bertungkus-lumus sepanjang hari, bekerja tanpa henti dari lautan Atlantik ke lautan Pasifik.

Dia menyelamatkan beberapa ekor burung camar daripada menyambar penutup botol plastik yang disangka ikan; membantu seekor anak anjing laut daripada dibelit sekeping beg plastik, dan juga seekor anak anjing yang berkeliaran di tepi pantai daripada memakan puntung-puntung rokok lama.

Tiada seekor haiwan pun yang tahu tentang plastik atau sampah itu, atau tentang bahayanya, sebab kesemua itu tidak wujud di alam semulajadi.



Inilah yang berlaku setiap hari pada masa kini. Dahulu ketika neneknya menjadi Trash Hero, neneknya hanya bekerja pada hujung minggu. Namun, sejak dia memulakan tugas ini, dia bekerja tanpa henti. Walaupun dia mempunyai kuasa luar biasa, ia amat sukar. Nampaknya semakin banyak sampah yang dibuang setiap hari.

Menurut neneknya, ini disebabkan adanya pelbagai plastik "serbaguna" - straw, sudu dan beg yang hanya digunakan untuk beberapa minit, dan kemudiannya dibuang - namun ini bukanlah begitu "serbaguna" baginya dan semestinya tidak kepada semua haiwan yang terancam.





Pada suatu pagi, Trash Hero duduk di pantai, merasa penat. Dia minum seteguk air daripada botol airnya dan mengeluarkan biskut terakhir dari beg kertasnya.

Dia berhati-hati agar tidak menggunakan sebarang plastik serbaguna yang boleh mengancam rakan-rakan lautnya.

Seorang budak perempuan lalu di hadapan Trash Hero sambil membawa sebuah beg hitam dan bertanya jika dia ingin membuang kertas pembalut ke dalam beg itu. Budak perempuan itu berkata dia sedang mengutip sampah agar pantai menjadi lebih bersih.

Trash Hero terkejut dan mengucapkan terima kasih kepadanya.

Dia menerangkan bahawa sampah yang dikutip oleh budak perempuan itu juga berbahaya kepada haiwan dan mengaku amat sukar untuk cuba menyelamatkan semua haiwan.

Budak perempuan itu berfikir seketika, dan kemudian dia tersenyum. "Mungkin saya boleh bantu kamu!" katanya.

"Tapi bagaimana?" tanya Trash Hero. "Kamu tidak ada kuasa luar biasa seperti saya, yang boleh terbang ke seluruh pelusuk dunia."

"Saya tahu," kata budak perempuan itu. "Tetapi, saya ada ramai kawan. Mari ikut saya..."





Trash Hero mengikut budak perempuan itu ke sekolahnya yang terletak di sebuah kampung. Di situ, dia bercerita mengenai kerjanya dan semua murid lelaki dan perempuan serta guru sebulat suara menyokong dan membantunya.

Mereka bersetuju untuk melakukan tiga perkara.

Pertama, mereka akan berhenti menggunakan sebarang plastik "serbaguna" sedaya boleh.

Kedua, mereka akan sentiasa membuang sampah ke dalam tong sampah.

Dan **ketiga**, mereka akan mengutip sampah lain yang mereka jumpa, supaya sampah itu tidak terkumpul di tempat yang boleh ditemui haiwan.

Trash Hero tersenyum lebar apabila mendengarnya. "Maknanya, berkuranglah sampah yang perlu saya kutip!" katanya. "Dan haiwan-haiwan juga akan lebih selamat."

Guru kelas mereka bersetuju. Dia memberitahu bahawa sesiapa sahaja dan setiap orang boleh menjadi Trash Hero dan membantu menjadikan dunia ini tempat yang lebih bersih dan selamat untuk didiami.

"Benar!" kata Trash Hero. "Seorang Trash Hero tidak mencukupi. Lebih ramai Trash Hero di dunia ini, lebih baik!"

Budak-budak sekolah bersorak dan berkata mereka akan mula membantu dengan serta-merta.


Namun, Trash Hero tidak dapat berlegar lebih lama di situ. Dia memandang ke arah kaki langit, dan terus menghilang, kali ini untuk menolong seekor anak ikan lumba-lumba yang hendak menelan sebuah pemetik api rokok.



I'M A TRASH HERO

Nama:

Umur:



← gambar
kamu

TAHUKAH KAMU?

Laut mengandungi **97%** air bumi dan menyediakan lebih daripada setengah bekalan oksigen yang kita hirup. Laut juga menjadi tempat kediaman kepada **250,000** spesis hidupan laut, dan merupakan sumber makanan yang penting kepada burung dan manusia.

Sebanyak **12,700,000,000 kg** sampah sarap terkumpul di dalam laut setiap tahun; dan 80% daripadanya ialah plastik. Plastik mengandungi racun dan tidak boleh reput seperti sampah semulajadi; ia mungkin boleh dihancurkan kepada kepingan-kepingan kecil tetapi tidak akan lupus.

Di sesetengah kawasan laut, seperti Pasifik utara, plastik yang sangat kecil dan beracun kini mengatasi bilangan plankton dalam air dalam nisbah 6:1. Para saintis menamakannya "**sup plastik**".

Lebih daripada setengah plastik yang tersangkut di dalam laut ialah barangan plastik serbaguna – barang-barang seperti beg, botol dan straw – yang kita gunakan sekali sahaja untuk beberapa minit, kemudian kita buang.

Lebih kurang **sejuta** burung dan hidupan laut mati setiap tahun disebabkan plastik yang terdapat di dalam atau di sekeliling badan mereka.

Bolehkah kamu membantu menghentikan semua ini? Kami memerlukan Trash Hero baharu untuk membantu lautan menjadi tempat tiada sampah sarap, dan mengurangkan penggunaan plastik yang dipakai buang.



KE MANA SAMPAH PERGI?

Biasanya, sampah berakhir di kawasan yang membahayakan haiwan dan manusia. Kita boleh ubah keadaan ini! Trash Hero memastikan alam sekitar terjaga melalui konsep 3R “Reduce, Reuse and Recycle” (mengurang, mengguna semula, mengitar semula)

SAMPAH SARAP

Ada orang membuang sampah ke tanah atau ke dalam sungai. Melainkan ada yang datang mengumpulnya, sampah bukan organik akan kekal di persekitaran semulajadi dan selalunya berakhir di laut.

TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH

Jika sampah dibuang ke dalam tong sampah biasa, ia akan dibawa ke tapak pelupusan. Dari masa ke semasa, pembuangan sisa sampah yang tidak diasingkan akan mengeluarkan toksin ke dalam tanah dan udara. Semakin banyak timbunan, kita bimbang tiada lagi tempat pembuangan sampah.

PEMBAKARAN TERBUKA

Ada yang membakar sampah di rumah. Ada juga yang mengumpul sampah untuk dibakar di dalam mesin “insinerator”. Pembakaran plastik sangat merbahaya! Asap dan abu meracuni udara dan tanah yang membahayakan kesihatan. Jaga diri kamu dan cuba cara lain untuk mengurangkan, mengguna semula atau mengitar semula sampah plastik kamu.

REKAAN BARANGAN KITAR SEMULA

Dengan sedikit imaginasi, kita dapat mereka cipta barangan yang tidak dapat dikitar semula menjadi barangan baru yang bermanfaat. *Bagaimana?* Kamu boleh mencari idea di halaman seterusnya, atau di internet. Kamu juga boleh cuba projek sendiri yang menyeronokkan!

KITAR SEMULA

Sampah boleh dihantar ke kilang-kilang untuk dikitar semula. Bahan-bahan seperti kaca, logam dan kertas boleh digunakan semula sebagai produk baru. Ada jenis plastik yang boleh diguna semula beberapa kali, tetapi tidak selamanya. *Bagaimana?* Jika terdapat pusat kitar semula berdekatan, kamu boleh dapatkan maklumat mengenai jenis sampah yang diterima. Sebelum dibawa ke sana, asingkan sampah mengikut jenis.

KOMPOS

Kita boleh menggunakan sisa makanan dan tanaman untuk membuat kompos. Kompos ialah baja semulajadi yang membantu kesuburan buah-buahan dan sayur-sayuran. *Bagaimana?* Dapatkan maklumat daripada orang dewasa atau di trashhero.org/kids. Kamu perlu mengumpul sisa makanan secara berasingan tanpa sebarang pembungkusan sebelum ditambah ke timbunan kompos.

MENGURANG DAN MENGGUNA SEMULA

Penyelesaian terbaik untuk sampah ialah dengan mengurangkan penggunaannya! Sentiasa ingat “pembaziran sifar” dan cara-cara mengurangkan apa yang dibuang setiap hari.

Bagaimana? Terdapat beberapa idea di halaman seterusnya untuk membantu kamu mengurangkan penggunaan plastik “serbaguna.” Lihat jika kamu boleh kesemuanya!

JADI TRASH HERO

Adakah kamu bersedia menghadapi cabaran pembaziran sifar? Selesaikan tugas-tugas sebanyak mana yang kamu boleh. Masukkan skor kamu dalam carta di halaman sebelah.

Lebih banyak tugas = lebih banyak mata!



1 BERSIHKAN!

80% daripada sampah yang masuk ke dalam laut berpunca daripada manusia yang tinggal di darat. Jadi, pembersihan sampah di pantai dan kawasan yang jauh dari pantai sangat penting.

Memang menakjubkan betapa cepatnya kamu boleh melakukan tugas ini sekiranya ramai orang yang menolong. Semak sekiranya kamu boleh ikut serta kegiatan Trash Hero berhampiran rumah kamu atau anjurkan kegiatan kamu dengan kawan-kawan bersama-sama ibu atau bapa dan guru.

1 Pembersihan = 5 mata

2 BAWA BEG SENDIRI

Bawa beg sendiri apabila kamu pergi membeli-belah, elakkan daripada membeli beg baharu setiap kali. Ini merupakan satu cara mudah untuk *mengurangkan sampah*.

Petua: Minta ibubapa kamu melipat beg guna semula dan simpan di dalam beg tangan, kereta atau motosikal mereka supaya sentiasa ada apabila diperlukan.

Bawa beg kamu sendiri untuk sehari (plastik beg sifar) = 1 mata



SEMAKAN MATA

- Pembersihan » 5 mata
 - Tiada beg » 1 mt / hari
 - Tiada botol » 1 mt / hari
 - Tiada straw » 1 mt / hari
 - Kitar semula » 2 mt / hari
 - Guna semula » 1 mt / item
- Jangan lupa untuk merekod skor kamu!



3 ISI SEMULA BOTOL

Daripada membeli dan membuang botol kamu setiap kali kamu minum, cuba isi botol guna semula. Perbuatan ini akan membantu menyelamatkan persekitaran, dan menjimatkan wang kamu!

Isi semula sebuah botol untuk sehari (botol plastik sifar) = 1 mata



4 KATAKAN TIDAK KEPADA STRAW

Ini satu lagi cara untuk *mengurangkan sampah*. Straw plastik digunakan hanya beberapa saat sahaja, tetapi akan mencemar persekitaran untuk sepanjang hidup kamu (dan lagi!). Apabila kamu memesan minuman, minta minuman tanpa straw.

Tiada straw untuk sehari (straw sifar) = 1 mata

5 KITAR SEMULA DAN GUNA SEMULA

Kamu mungkin ada pusat kitar semula berhampiran kediaman kamu, di mana kamu boleh menghantar botol kaca, tin minuman, kertas dan beberapa jenis sampah plastik. Kesemua ini boleh ditukar semula kepada bahan mentah yang kemudian boleh dijadikan benda-benda baharu.

1 beg hitam sampah kitar semula = 2 mata

Beberapa jenis sampah yang tidak boleh dikitar semula boleh diguna semula (*upcycle*) atau ditukar menjadi objek berguna supaya tidak memenuhi tapak pelupusan sampah atau laut. Cuba buat beberapa perkara ini di rumah atau di sekolah.

- Bata eko (bata botol)
- Sekeping lukisan atau arca
- Pasu bunga
- Tempat letak pen
- Barang kemas/hiasan

1 benda kitar naik dihasilkan = 1 mata

► PETUA

Kamu boleh mendapatkan garis panduan, dan lebih banyak lagi idea tentang bagaimana menjadi seorang Trash Hero di laman sesawang kami: trashero.org/kids



cabaran yang sukar!

6 PEMBAZIRAN SIFAR MAKAN TENGAH HARI

Kebanyakan sampah plastik datang daripada bungkusan makanan sekali guna. Bolehkah kamu menyediakan makanan tanpa menggunakan plastik?

Fikirkan makanan apa yang boleh kamu beli atau sediakan tanpa menggunakan plastik. Pek makanan secara terus ke dalam bekas yang boleh diguna semula atau pilih makanan yang menggunakan bungkusan semulajadi seperti kertas atau daun pisang.

Bawa minuman dalam botol yang boleh diguna semula dan kutleri logam jika perlu. Selepas makan, tong sampah kamu sepatutnya kosong!

Tahukah kamu? Makanan ringan tanpa bugkusan plastik adalah yang paling sihat: cuba sepotong buah, kacang atau telur rebus. Pisang datang dengan bungkusan semulajadi!

1 hari bebas pembaziran makanan = 5 mata



PETUA: Kamu boleh melakukan cabaran ini dengan rakan-rakan. Adakan perkelahan pembaziran sifar atau majlis di sekolah kamu untuk meraikan kamu sebagai Trash Hero!



7 SEBARKAN MAKLUMAT

Lebih ramai Trash Hero, lebih pantas kita mengubah dunia menjadi bersih dan selamat. Adakah kamu kenal sesiapa yang ingin menjadi Trash Hero? Mungkin kawan atau ahli keluarga? Ceritakan kisah Trash Hero dan lihat jika mereka ingin membantu. Kamu perlu menjelaskan kepada mereka apa yang perlu dilakukan.

Atau, kamu boleh membuat poster Trash Hero, video atau mengadakan persembahan di sekolah untuk memberi inspirasi untuk membuat perubahan kecil untuk bantu menyelamatkan lautan. Jangan lupa minta orang dewasa untuk mengambil gambar atau merakamnya jika kamu mahu kami sebarkan kepada lebih ramai orang.

Reka poster = 2 mata

Rakam video = 5 mata

Buat persembahan = 10 mata

TAK NAK PLASTIK!

| TARIKH | PEMBERSIHAN | TIADA BOTOL/ BEG / STRAW | KITAR SEMULA/ GUNA SEMULA | SIFAR SISA MAKANAN | SEBARKAN MAKLUMAT | MATA |
|--------|-------------|--------------------------|---------------------------|--------------------|--------------------|------|
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | JUMLAH MATA | |

JANGAN PUTUS ASA!

Tulis tarikh dan tandakan kotak bagi setiap cabaran yang kamu selesaikan. Jangan lupa untuk mengisi mata yang kamu perolehi! Kalau ruang tidak mencukupi, kamu boleh meminta bantuan orang dewasa untuk memuat turun lebih banyak lembaran kertas catatan dari laman sesawang kami: trashhero.org/kids



SEMUA ORANG BOLEH MENJADI TRASH HERO!

Trash Hero adalah sebuah gerakan sukarelawan komuniti yang ditubuhkan di Thailand pada tahun 2013. Gerakan ini didaftarkan sebagai organisasi bukan beraskan keuntungan di Switzerland dan aktif di seluruh Asia Tenggara dan seluruh dunia.

Ahli cawangan tempatan gerakan ini mengendalikan pembersihan mingguan dan program mengisi semula botol untuk membersihkan dan menghindarkan pembaziran. Tindakan kami sentiasa positif dan bertujuan untuk memberi inspirasi kepada perubahan tingkah laku untuk masa depan yang lebih mampan.

Untuk keterangan lanjut tentang aktiviti gerakan, dan bagaimana kamu boleh hubungi atau memulakan! – cawangan tempat kamu, sila layari trashhero.org, atau halaman Facebook “trashheromalaysia”.





terima kasih